



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (67)
Tarikh : 22 Oktober 2021

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN KPKT BERHUBUNG LAPORAN “HBA BINGUNG, JUMLAH PROJEK RUMAH TERBENGKALAI TAK SAMA” OLEH FREE MALAYSIA TODAY

PUTRAJAYA, 22 OKTOBER 2021 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ingin merujuk laporan portal berita, Free Malaysia Today oleh wartawan Jason Thomas bertarikh 22 Oktober 2021 jam 9.00 pagi bertajuk “**HBA bingung, jumlah projek rumah terbengkalai tak sama**”. Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA) mempersoalkan perbezaan antara jumlah projek rumah terbengkalai yang dimaklumkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican di Parlimen dengan angka yang disenaraikan pada laman sesawang kementerian.

Laporan tersebut memetik jawapan YB Dato’ Sri Reezal Merican di Parlimen Parlimen bahawa **terdapat 79 projek rumah swasta yang terbengkalai setakat 30 September 2021 dan ia membabitkan lebih 17,000 unit dan 11,000 pembeli**. Laporan tersebut juga menyatakan bahawa laman sesawang kementerian pula **menyenaraikan sebanyak 198 projek rumah terbengkalai**.

Sehubungan itu, KPKT ingin menjelaskan bahawa YB Dato’ Sri Reezal Merican telah memberikan jawapan yang tepat di Parlimen dengan menyebut **angka sebenar projek perumahan yang masih terbengkalai iaitu sebanyak 79 projek** seperti di dalam rekod Jabatan Perumahan Negara (JPN) melibatkan projek-projek yang telah disahkan sebagai projek perumahan swasta terbengkalai oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118].

Berdasarkan maklumat yang dipaparkan di laman web di bawah tajuk “**Projek Perumahan Terbengkalai**” terdapat empat (4) dokumen yang telah dimuat naik iaitu seperti berikut:

- I. Senarai Hitam Pemaju Projek Perumahan Swasta Terbengkalai
- II. Senarai Projek Di Dalam Perancangan Pemulihan
- III. Senarai Projek Sedang Dalam Proses Pemulihan; dan
- IV. Senarai Projek Dalam Kategori Projek Statik

Bilangan **79 projek** yang dinyatakan oleh YB Dato’ Sri Reezal Merican telah dibahagikan mengikut kategori seperti mana **di senarai II, III dan IV** seperti perenggan di atas dan ia merupakan projek-projek yang masih belum selesai sehingga 31 Ogos 2021.

Kenyataan HBA berhubung angka 198 projek perumahan terbengkalai pula merujuk kepada **Senarai (I) iaitu 198 pemaju (*developer*) projek perumahan swasta yang melibatkan projek yang telah selesai dan belum selesai, yang disenarai hitam.** Senarai pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai ini **akan terus kekal dalam senarai hitam ini** bagi tujuan pemakluman umum.

Kekeliruan berkenaan perbezaan angka projek perumahan terbengkalai ini **telah pun dibincang dan dijelaskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Projek Perumahan Swasta (JKKPS) pada 5 Oktober 2021 yang turut dihadiri oleh wakil HBA.**

Walau bagaimanapun, bagi memastikan kekeliruan ini tidak lagi timbul, KPKT sedang menambah baik paparan maklumat di Senarai I supaya lebih mudah difahami dan dirujuk oleh mana-mana pihak.

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
22 OKTOBER 2021**

-TAMAT-

LAMPIRAN



Pautan ke laman sesawang Jabatan Perumahan Negara untuk Projek Perumahan Terbengkalai

<https://ehome.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/244>